



PENGARAH Urusan WCT Bhd, Taing Kim Hwa (kiri) bertukar dokumen dengan Martin di Bukit Tinggi, Klang, semalam.

15 DEC / BH / Pg. 27

# GCD bangun projek RM688j di Medini

## Projek perbandaran bercampur di atas tapak seluas 4.12 hektar

Oleh Ahmad Farizal Hajat  
ahmadfarizal@bharian.com.my

**G**LOBAL Capital & Development (GCD), konsortium yang dianggotai Khazanah Nasional Bhd dan Mubadala Development Company dari Abu Dhabi, akan membangunkan projek perbandaran bercampur bernilai RM688 juta di Medini, Iskandar Malaysia.

Ia susulan termeterainya perjanjian pelaburan antara kumpulan itu dengan Platinum Meadow Sdn Bhd (Platinum Meadow), anak syarikat milik penuh WCT Bhd.

Ketua Eksekutif GCD, Keith Martin, berkata projek itu akan dibangunkan di atas tapak seluas 4.12 hektar di Wilayah Perniagaan Medini, Johor.

"Projek pembangunan bercampur berkenaan adalah tambahan kepada projek hartanah terbaru daripada beberapa rangkaian projek komersial sedia ada yang akan dimajukan di Wilayah Perniagaan Medini," katanya pada sidang media selepas memeterai perjanjian itu di Bukit Tinggi, Klang, semalam.

Hadir sama, Presiden dan Ketua Eksekutif Iskandar Investment Bhd (IIB), Datuk Syed Mohamed Syed Ibrahim.

IIB adalah syarikat tujuan khas kerajaan yang bertanggungjawab menarik pelaburan asing dan melaksanakan projek pemangkin pembangunan di Iskandar Malaysia.

Ketika ini, antara projek yang sudah dijadual untuk dibangunkan di Wilayah Perniagaan Medini itu termasuk, Projek Perkampungan Media Bersepa-

du untuk Pinewood Iskandar Malaysia Studios; dan Projek Kemudahan Pengeluaran Siri Televisyen dan Filem bernilai AS\$150 juta (RM470.7 juta) yang akan mewujudkan 3,000 peluang pekerjaan.

Martin berkata, selain dua projek itu, GCD juga sedang melaksanakan kajian daya maju untuk membangunkan projek komersial bercampur berkeluasan dua juta kaki persegi yang akan dikenali Plaza Medini yang akan memiliki ruang pejabat, kemudahan hospitaliti, servis apartmen dan rangkaian kedai runcit.

Medini adalah projek pembangunan perbandaran tunggal terbesar Malaysia di Iskandar Malaysia, manakala Wilayah Perniagaan Medini yang berkeluasan 142 hektar pula dibangunkan berdekatan dengan Medini Utara, iaitu hab pelancongan, peruncitan dan gaya hidup terkini.

Di bahagian selatan Iskandar Malaysia, IIB turut membangunkan kawasan yang dikenali Medini South yang menempatkan kawasan kediaman berkonsepkan santai mewah.

Sementara itu, Pengurus Besar Jualan dan Pemasaran WCT Land Sdn Bhd, anak syarikat WCT Bhd, Stewart Tew, berkata projek perbandaran bercampur bernilai RM688 juta yang akan dibangunkan dengan kerjasama GCD itu adalah projek hartanah kedua syarikat itu di Iskandar Malaysia.

Sebelum ini, WCT meraih kontrak kerja bagi membangun dan memiliki bersama projek 1Medini, pembangunan kediaman pertama di perbandaran Medini bernilai RM600 juta.